

Headline	UiTM Monopoli Karnival Futsal, Bola Jaring TaHa@U		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	L-V16	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	Oleh Diyanah Anuar diyanah@bh.com. my	AdValue	RM 16,762
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,286



UiTM

Monopoli Karnival Futsal, Bola Jaring TaHa@U

Oleh Diyanah Anuar
diyanah@bh.com.my

► Arau

Pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) Warriors dan UiTM D mengungguli (KFBJ TaHa@U) apabila muncul juara kedua-dua acara futsal dan bola jaring yang berlangsung di Kompleks Sukan UiTM Perlis, di sini baru-baru ini.

Karnival disertai lebih 20 pasukan bola jaring dan futsal dari UiTM Perlis, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Kolej Matrikulasi Perlis, Kolej Poly-Tech MARA Alor Setar, Universiti Utara Malaysia (UUM) serta Kolej Antarabangsa Teknologi dan Profesional (KATPM) Perlis.

Penganjuran karnival itu ialah sebahagian daripada program anjuran Kelab TaHa@U dan BH bertujuan memberi pendedahan kepada pelajari kepada kegiatan kemasyarakatan serta aktiviti yang membantu membentuk sahsiah dan

kecemerlangan mereka.

Rata-rata pelajar yang menyertai karnival berkeinginan menunjukkan semangat kesukanan yang tinggi dan menjadikan program itu sebagai medan mengeratkan persahabatan antara pelajar kolej dengan universiti.

Tanggungjawab sosial

Timbalan Pengarah Tabung Haji (TH) Perlis, Ahmad Hapizudin Abas dalam ucapannya, berkata program kemasyarakatan dan riadah menerusi TaHa@U antara pelaksanaan tanggungjawab sosial TH kepada penuntut universiti yang bakal mencorakkan masa depan negara.

"TH berharap setiap program yang dilaksanakan menerusi TaHa@U dapat memba-ngunkan modal insan dalam kalangan penuntut yang menyertainya.

"Pertandingan sukan seperti karnival ini juga secara tidak langsung mencungkil bakat sukan penuntut yang mungkin boleh diketengahkan ke peringkat yang lebih tinggi," katanya yang turut menyampaikan hadiah wang tunai, sijil serta piala

iringan dalam majlis penutup KFBJ TaHa@U.

Turut hadir sama dalam majlis itu Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar UiTM Perlis, Zailudin Ariffin dan Ketua Unit Pembangunan Perniagaan Jabatan Pengerahan NSTP, Salmah Hanim Hares.

UiTM hebat

Juara pertandingan bola jaring, UiTM Warriors menerima wang tunai RM2,500, manakala tempat kedua dan ketiga diraih pasukan UniMAP dan Kolej Matrikulasi Perlis dengan hadiah masing-masing RM1,800 dan RM1,000.

Pasukan UiTM D yang menjuarai pertandingan futsal pula menerima wang tunai RM2,500, manakala tempat kedua, pasukan Plexus (UiTM Perlis) menerima RM1,800 dan ketiga, UiTM C (UiTM Perlis), RM1,000.

Sementara itu, kapten pasukan juara pertandingan bola jaring, UiTM Warriors, Nor Mastura Mohamed, 23, berkata penyertaan beliau dan rakan sepasukan dalam KFBJ TaHa@U membolehkan

mereka menambah kenalan dan mengasah kemahiran serta teknik bermain bola jaring.

"Aktiviti sebegini menjadi pengisian waktu yang baik untuk cuti semester.

Latihan intensif

"Selain beriadah dengan rakan sebaya dari institusi pengajian tinggi (IPT) lain,

hadiah wang tunai yang dimenangi boleh digunakan untuk membeli peralatan atau kelengkapan pasukan kami," katanya.

Bagi Kapten pasukan UiTM D, Mohd Muaz Mohd Shaari, 20, berkata, disiplin pemain dan kegigihan pasukannya menjalani latihan hampir setiap hari antara faktor yang menyumbang kepada kemenangan mereka dalam pertandingan ini.

"Kami harap lebih banyak karnival yang mengumpulkan penuntut dari pelbagai IPT seperti KFBJ TaHa@U ini dapat diadakan pada masa akan datang kerana pesta ini boleh menjadi medan untuk penuntut seperti kami berinteraksi secara sihat menerusi sukan," katanya.

Headline	UiTM Monopoli Karnival Futsal, Bola Jaring TaHa@U		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	16 Jan 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	L-V16	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	497 cm ²
Journalist	Oleh Diyanah Anuar diyanah@bh.com. my	AdValue	RM 16,762
Frequency	Daily	PR Value	RM 50,286

“
**KAMI HARAP
LEBIH BANYAK
KARNIVAL YANG
MENGUMPULKAN
PENUNTUT DARI
PELBAGAI IPT
SEPERTI KFBJ
TAHA@U
INI DAPAT
DIADAKAN”**

Mohd Muaz Mohd Shaari,
Kapten pasukan UiTM



Juara acara bola jaring, pasukan UiTM Warriors menunjukkan replika cek dan piala yang dimenangi.



Keceriaan tergambar pada wajah ahli pasukan UiTM-D yang menjuarai acara futsal.